

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12.11.2014**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman serta liabiliti Kerajaan Persekutuan terhadap syarikat insurans dari tahun 2010 hingga 2013.

**JAWAPAN**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat,

Sehingga akhir Jun 2014 hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM568.9 bilion atau 52.8%. Daripada jumlah ini, pegangan syarikat insurans adalah sebanyak RM31.4 bilion atau 5.5% daripada jumlah

hutang. Kedudukan hutang Kerajaan ini kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Bagi tahun 2010 hingga 2013, pegangan syarikat insurans daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- i. Pada 2010 jumlah pegangan oleh syarikat insurans adalah RM26.5 bilion atau 6.5%;
- ii. 2011 : RM31.4 bilion atau 6.9%;
- iii. 2012 : RM33.4 bilion atau 6.7%; dan
- iv. 2013 : RM32.8 bilion atau 6.1%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH** : **12 NOVEMBER 2014**

**SOALAN** : **40**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengkalan Chepa , buat masa ini, Kerajaan belum mempunyai perancangan untuk menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu sebagai lapangan terbang antarabangsa. Namun begitu, walaupun LTSIP merupakan lapangan terbang domestik ia tetap boleh mengendalikan penerbangan antarabangsa jika sekiranya ada permintaan untuk tujuan tersebut.